



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**8 NOVEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 364 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 222,113 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Lahad Datu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 990 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 211,541 orang. Manakala 1,789 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 704 orang di hospital, 1,032 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 20 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 73 orang merangkumi 68 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 78 (35.94%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning satu (1) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 23 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian bagi negeri Sabah meneruskan trend penurunan dengan pengurangan (-41) kes berbanding angka semalam. Jumlah kes baharu yang didaftarkan hari ini ialah (364) kes.
- b. Peratusan kes-kes baharu yang diperolehi melalui saringan bergejala kekal tinggi pada tahap 38.2% daripada jumlah kes keseluruhan. Kes-kes kategori ini sering dikaitkan dengan kegagalan atau kealpaan mematuhi SOP khususnya semasa berkumpul atau berada di khalayak ramai. Ini terbukti melalui dapatan daripada punca kluster-kluster baharu yang muncul sekali sekala. Adalah diharapkan agar seluruh masyarakat mengambil berat keperluan mematuhi semua SOP tatkala Sabah melangkah ke Fasa 4 PPN.
- c. Daripada (364) kes hari ini, 98% adalah pesakit-pesakit dalam Kategori 1 dan Kategori 2. Dua (2) orang pesakit sahaja dalam Kategori 3, juga dua (2) orang dalam Kategori 4 dan seorang dalam Kategori 5. Tiga (3) kes lagi masih dalam siasatan lanjut JKNS. 96.2% daripada jumlah pesakit hari ini adalah warganegara Malaysia.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (197) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	139	38.19%
3	Kontak	197	54.12%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	7.69%
<b>JUMLAH</b>		<b>364</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (07 November 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 07/11/2021</b>	<b>Catatan Kes 08/11/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Kinabalu	52	78	+26
2	Tawau	5	30	+25
3	Kota Belud	22	33	+11
4	Putatan	2	13	+11
5	Tenom	19	26	+7
6	Tongod	0	7	+7
7	Tuaran	36	42	+6
8	Nabawan	1	4	+3
9	Kalabakan	0	1	+1
10	Kunak	0	0	Mendatar
11	Ranau	37	18	-19
12	Penampang	34	18	-16
13	Telupid	16	2	-14
14	Beluran	14	1	-13
15	Kota Marudu	29	17	-12
16	Lahad Datu	12	3	-9
17	Pitas	10	1	-9
18	Papar	19	11	-8
19	Sipitang	9	1	-8
20	Sandakan	16	9	-7
21	Kudat	9	3	-6
22	Keningau	19	14	-5
23	Semporna	4	0	-4
24	Tambunan	18	15	-3
25	Beaufort	17	14	-3
26	Kuala Penyu	3	2	-1
27	Kinabatangan	2	1	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>405</b>	<b>364</b>	<b>-41</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (25 Oktober – 07 November)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	45	27	0	6	78	853
Tuaran	0	25	17	0	0	42	498
Kota Belud	0	22	8	0	3	33	691
Tawau	0	20	4	0	6	30	224
Tenom	0	18	8	0	0	26	346
Ranau	0	1	14	0	3	18	664
Penampang	0	10	8	0	0	18	362
Kota Marudu	0	7	8	0	2	17	519
Tambunan	0	10	5	0	0	15	284
Keningau	0	8	5	0	1	14	299
Beaufort	0	8	6	0	0	14	504
Putatan	0	2	11	0	0	13	173
Papar	0	4	7	0	0	11	294
Sandakan	0	4	3	0	2	9	176
Tongod	0	5	2	0	0	7	34
Nabawan	0	3	1	0	0	4	61
Lahad Datu	0	0	1	0	2	3	210
Kudat	0	2	1	0	0	3	264
Telupid	0	0	2	0	0	2	146
Kuala Penyu	0	2	0	0	0	2	67
Beluran	0	0	0	0	1	1	146
Pitas	0	0	0	0	1	1	238
Sipitang	0	1	0	0	0	1	131
Kinabatangan	0	0	0	0	1	1	208
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	10
Semporna	0	0	0	0	0	0	34
Kunak	0	0	0	0	0	0	32
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>197</b>	<b>139</b>	<b>0</b>	<b>28</b>	<b>364</b>	<b>7,468</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,005 unit

- Hospital 1,785 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,750 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.47%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 8 NOVEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	362
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>364</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Jepun	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	350
Bukan Malaysia	14
<b>Jumlah</b>	<b>364</b>

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	76
Belum Menerima Vaksin	43
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	241
<b>Jumlah</b>	<b>364</b>

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	33
6 to 11	40
12 to 17	18
18 to 25	49
26 to 59	183
>60	38
<b>Jumlah</b>	<b>364</b>

**C SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4**

SOP pengebumian dan penghormatan terakhir di rumah ibadat bukan islam dan *funeral parlour* Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 kemudahan penerima lengkap divaksin bermula 09 November 2021 adalah seperti **DI LAMPIRAN A.**

**D SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4**

SOP rumah ibadat bukan Islam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 kemudahan penerima lengkap divaksin untuk upacara sembahyang bermula 09 November 2021 adalah seperti **DI LAMPIRAN B.**

**C SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4**

SOP taska dan pusat jagaan kanak-kanak Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 KEMUDAHAN penerima lengkap divaksin bermula 09 November 2021 adalah seperti **DI LAMPIRAN C.**

## **E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 7 November 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,563 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,234 orang adalah penduduk dewasa dan 1,329 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 7 November 2021 adalah seramai 2,430,607 orang. Ini meliputi 2,100,027 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.13% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,360,047 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,066,776 orang atau 74.93% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 330,580 orang atau 76.17% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 293,271 atau 67.57% orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **671,051** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,033 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 50 hebahan melalui kereta peronda dan dua (2) tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 53 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Lima (5) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
  - 48 Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 134 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan  
  
Sebanyak 864 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak empat (4) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama/nombor telefon dalam buku pendaftaran. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 262 Premis Perniagaan melibatkan 165 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 147 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 131 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 87 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Keningau	98.5%
2	Kota Kinabalu	98.5%
3	Sandakan	98.5%
4	Tuaran	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Lahad Datu	98.5%
8	Kinabatangan	98.5%
9	Tawau	98.5%
10	Ranau	98.5%
11	Semporna	98.5%
12	Sipitang	98.5%
13	Penampang	98.5%
14	Beluran	98.5%
15	Tenom	98.5%
16	Kota Marudu	98%
17	Papar	98%
18	Kudat	98%
19	Kota Belud	98%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

LAMPIRAN A

 <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>				
<b>SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021</b>				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR</b>  Melibatkan penganut, ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour	Tempoh operasi <b>6 pagi hingga 8 malam</b>  Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam setiap sesi  <b>50% kapasiti tempat beribadat atau Funeral Parlour</b> termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran  Menyediakan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran  Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air  Kerap melakukan pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan peralatan sembahyang  Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan di dalam dewan dan ruang ibadat sekurang-kurangnya 1 meter  Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan <b>DIWAJIBKAN</b> membawa peralatan sembahyang sendiri  <b>Aktiviti sosial dibenarkan dengan kehadiran 50% kapasiti tempat beribadat atau di Funeral Parlour</b>  Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.	Persiapan semasa operasi di Rumah Ibadat bukan Islam  Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang menghidap penyakit kronik tidak dibenarkan hadir  Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib pamer notis tentang perlunya membawa peralatan sembahyang sendiri.	Bersalaman dan bersentuhan  Ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang <b>belum lengkap divaksin</b> memasuki ruang Rumah Ibadat Bukan Islam kecuali kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin  Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas  Perkongsian peralatan sembahyang oleh ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan  <b>Aktiviti sosial dan upacara (ritual) kebudayaan seperti judi sosial, sabung ayam dan sebagainya.</b>
Tarikh dikemaskini: 08 November 2021				

 <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT</b>				
<b>SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021</b>				
AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA BERADA DI RUMAH KEDIAMAN / FUNERAL PARLOUR</b>  Melibatkan ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour  Tidak melebihi tiga(3) hari untuk penghormatan terakhir sebelum pengebumian	Tempoh operasi <b>6 pagi hingga 8 malam</b>  Tempoh masa aktiviti melawat dan memberi penghormatan terakhir <b>tidak melebihi 5 minit</b> (di dalam rumah / Funeral Parlour )  <b>50% kapasiti di rumah kediaman atau Funeral Parlour</b> termasuk ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan serta mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran  Menyediakan kaunter di pintu masuk rumah kediaman / Funeral Parlour bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i>  <b>Urusan persiapan mayat diuruskan TIDAK MELEBIHI 5 orang</b> sahaja (pemandian / pembersihan / pemakaian)  Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dan kerap mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i>  Tidak dibenarkan berkongsi peralatan  Aktiviti sembahyang di rumah pada sebelah malam hanya dibenarkan dalam tempoh <b>2 jam</b> untuk ahli keluarga dengan bilangan <b>15 orang</b> ahli keluarga yang <b>lengkap divaksin</b> sahaja dalam tempoh <b>tidak melebihi 10 hari</b>  Proses penghormatan terakhir dibenarkan <b>tidak melebihi 5 orang yang telah lengkap divaksin</b> (termasuk tuan rumah) setiap masa. Pelawat dikehendaki beratur mengikut giliran dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter  <b>Aktiviti sosial seperti kenduri-kendara dibenarkan dengan kehadiran 50% kapasiti di rumah kediaman atau di Funeral Parlour</b>  Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.	Pematuhan SOP diwajibkan  Tuan rumah / Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour hendaklah memastikan semua ahli keluarga faham dan patuh kepada SOP yang disediakan  <b>Objektif</b> kedatangan pelawat memberi penghormatan terakhir ialah 1. Memberi sumbangan / derma 2. Sembahyang (berdoa).	Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour bersalaman dan bersentuhan  Ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang <b>belum lengkap divaksin</b> memasuki rumah kediaman atau Funeral Parlour kecuali kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin  Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan Funeral Parlour yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.  Perkongsian peralatan  Upacara perarakan  <b>Aktiviti sosial dan upacara (ritual) kebudayaan seperti judi sosial, sabung ayam dan sebagainya.</b>
Tarikh dikemaskini: 08 November 2021				



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN DI TAPAK PERKUBURAN / KREMATORIUM / KOLUMBARIUM</b></p> <p>Ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Tanah Perkuburan atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan Krematorium dan Kolumbarium</p>	<p>Tempoh operasi <b>6 pagi hingga 8 malam</b></p> <p>Tempoh upacara di tapak perkuburan / krematorium / kolumbarium tidak melebihi 2 jam</p> <p><b>Kehadiran 50% kapasiti tempat</b> oleh ahli keluarga atau ahli pengurusan dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p>	<p>Merekodkan kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera / SabahTrace atau dalam buku log kehadiran</p> <p>Menyediakan tempat di tapak perkuburan bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i></p> <p>Diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan kerap membersihkan tangan dengan <i>hand sanitizer</i> atau sabun dan air</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Upacara kematian diuruskan mengikut <b>anutan agama atau kepercayaan dan adat masing-masing</b></p> <p>Cara keluar tapak perkuburan / krematorium / kolumbarium secara tertib dan mengikut SOP yang ditetapkan</p> <p><b>Aktiviti sosial seperti makan dan minum dibenarkan dengan kehadiran 50% kapasiti di tempat berkenaan</b></p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.</p>	<p>Pemilihan petugas untuk ahli keluarga di luar bandar, di bandar dan di <i>Funeral Parlour</i> untuk tujuan kebenaran mengurus mayat di tapak perkuburan adalah tertakluk kepada bilangan minima yang diperlukan hadir</p> <p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Ahli keluarga / Ahli Jawatankuasa Pengurusan <i>Funeral Parlour</i> perlu bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang <b>belum lengkap divaksin</b> memasuki ke tempat berkenaan kecuali kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara perarakan keagamaan</p> <p><b>Aktiviti sosial dan upacara (ritual) kebudayaan seperti judi sosial, sabung ayam dan sebagainya.</b></p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT</b></p> <p>Melibatkan ahli keluarga sahaja</p>	<p>Tempoh operasi <b>6 pagi hingga 6 petang</b></p> <p>Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam</p> <p><b>Kehadiran</b> ahli keluarga tidak melebihi <b>10 orang</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p>	<p>Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga <b>tidak melebihi 10 orang</b> dan mengikut anutan agama dan kepercayaan masing-masing</p> <p>Ahli keluarga segera bersurai dalam keadaan tertib selepas upacara melepaskan abu mayat</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai dilarang</p> <p>Ahli keluarga perlu bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga yang <b>belum lengkap divaksin</b> mengikut upacara melepaskan abu mayat kecuali kanak-kanak di bawah umur 12 tahun yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021

## LAMPIRAN B



### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

#### SOP PENGURUSAN PENGEBUMIAN DAN PENGHORMATAN TERAKHIR DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DAN FUNERAL PARLOUR (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / UPACARA DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN UPACARA MELEPASKAN ABU MAYAT</b></p> <p>Melibatkan ahli keluarga sahaja</p>	<p>Tempoh operasi <b>6 pagi hingga 6 petang</b></p> <p>Tempoh upacara tidak melebihi 2 jam</p> <p><b>Kehadiran</b> ahli keluarga tidak melebihi <b>10 orang</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p>	<p>Proses pelepasan abu mayat di sungai atau laut hanya melibatkan ahli keluarga <b>tidak melebihi 10 orang</b> dan mengikut anutan agama dan kepercayaan masing-masing</p> <p>Ahli keluarga segera bersurai dalam keadaan tertib selepas upacara melepaskan abu mayat</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>tidak digalakkan</b> hadir.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Upacara perarakan dalam ahli keluarga beramai-ramai dilarang</p> <p>Ahli keluarga perlu bersurai segera dalam keadaan tertib.</p>	<p>Ahli keluarga bersalaman dan bersentuhan</p> <p>Ahli keluarga yang <b>belum lengkap divaksin</b> mengikut upacara melepaskan abu mayat dalam ahli keluarga di bawah umur 12 tahun yang mana ibu bapanya telah lengkap divaksin</p> <p>Ahli keluarga dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara perarakan beramai-ramai.</p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

#### SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK UPACARA SEMBAHYANG BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN SEMASA BERADA DI DALAM RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b></p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan semasa <b>berada</b> di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam.</p>	<p><b>6 pagi - 10 malam</b></p> <p><b>50% kapasiti tempat beribadat</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p>	<p>Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa</p> <p>Mewajibkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Kerap mencuci tangan atau menggunakan hand sanitizer</p> <p>Tidak dibenarkan berkongsi peralatan sembahyang.</p>	<p>Pematuhan SOP diwajibkan</p> <p>Penganut diwajibkan mengikut ketetapan tempat sembahyang yang disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan</p>	<p>Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Penganut atau Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas</p> <p>Upacara atau perarakan keagamaan atau aktiviti yang melibatkan sentuhan</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang oleh penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.</p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)  
 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK UPACARA SEMBAHYANG BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN KELUAR BANGUNAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM</b>  Semasa <b>keluar</b> bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam	<b>6 pagi - 10 malam</b>  <b>50% kapasiti tempat beribadat</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Mewajibkan pemakaian pelitup muka sepanjang masa  Mewajibkan penjarakan fizikal  Cara keluar rumah ibadat mesti mengikut penjarakan fizikal  Petugas rumah ibadat perlu memastikan penganut telah beredar selepas sembahyang  Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu melakukan pembersihan ruang dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan semua ruang sebaik sahaja acara keagamaan serta melakukan kerja-kerja sanitasi sebelum sesi sembahyang seterusnya  Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus ( <i>packed food</i> ).	Pematuhan SOP diwajibkan.  Ahli Jawatankuasa Pengurusan perlu bersurai dalam keadaan tertib.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan berkumpul, berhimpun, bersalaman, berpelukan dan bersembang di dalam dan di luar Rumah Ibadat Bukan Islam  Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas  Petugas memastikan penganut tidak makan di dalam atau di luar bangunan Rumah Ibadat Bukan Islam.

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)  
 KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK UPACARA SEMBAHYANG BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN AKTIVITI KEAGAMAAN</b>  Upacara <b>semasa</b> aktiviti keagamaan  Contoh: 1. Pemberkatan 2. Perkahwinan 3. Pembaptisan 4. Penetapan 5. Kelas agama 6. Upacara sembahyang penghormatan terakhir (kematian) 7. Aktiviti sosial dan lain-lain	<b>6 pagi - 10 malam</b>  Tempoh aktiviti keagamaan tidak melebihi <b>2 jam</b>  <b>50% kapasiti tempat beribadat</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter	Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter  Petugas memastikan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing  <b>Aktiviti sosial</b> seperti kenduri-kendara, gotong-royong dan lain-lain dibenarkan dengan kehadiran 50% kapasiti penganut termasuk Ahli Jawatankuasa Pengurusan  Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>hanya</b> dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin.	SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi.	Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam  Perkongsian peralatan sembahyang  Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas  Aktiviti keagamaan seperti: 1. Kelas keagamaan untuk kanak-kanak umur di bawah 12 tahun 2. Upacara bersentuhan 3. <b>Upacara perarakan.</b>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

SOP RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4)  
KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN UNTUK UPACARA SEMBAHYANG BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI DAN KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN AKTIVITI KEAGAMAAN</b></p> <p>Upacara <b>selepas</b> aktiviti keagamaan</p> <p>Contoh:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pemberkatan</li><li>2. Perkahwinan</li><li>3. Pembaptisan</li><li>4. Penetapan</li><li>5. Kelas agama</li><li>6. Upacara sembahyang penghormatan terakhir (kematian)</li><li>7. Aktiviti sosial dan lain-lain</li></ol>	<p><b>6 pagi - 10 malam</b></p> <p>Tempoh aktiviti keagamaan tidak melebihi <b>2 jam</b></p> <p><b>50% kapasiti tempat beribadat</b> dengan mengambil kira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p>	<p>Ahli Jawatankuasa Pengurusan wajib memastikan pengamalan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter</p> <p>Petugas memastikan penganut untuk membawa peralatan sembahyang masing-masing</p> <p>Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun <b>hanya</b> dibenarkan hadir tertakluk kepada ibu bapa mereka lengkap divaksin</p> <p>Sebarang pemberian makanan adalah secara berbungkus (<i>packed food</i>).</p>	<p>SOP Rumah Ibadat Bukan Islam wajib dipatuhi.</p>	<p>Kehadiran penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan bersalaman dan berpelukan di dalam Rumah Ibadat Bukan Islam</p> <p>Perkongsian peralatan sembahyang</p> <p>Penganut dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan yang demam atau sakit jika suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas.</p> <p>Aktiviti keagamaan seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kelas keagamaan untuk kanak-kanak umur di bawah 12 tahun</li><li>2. Upacara bersentuhan</li><li>3. <b>Upacara perarakan.</b></li></ol>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN SEBELUM MENGHANTAR KANAK-KANAK KE TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b></p> <p>a) <u>Sebelum</u> <u>ketibaan</u> di TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak</p>	<p>6am – 8pm</p> <p>50% kapasiti tertakluk kepada <u>keluasan lantai dan penjarakan fizikal</u> 1 meter</p>	<p>Ibu/ <u>bapa/penjaga menghantar kanak-kanak setelah dimandikan dari rumah</u></p> <p>Memastikan <u>anak-anak dalam keadaan yang sihat</u></p> <p>Ibu/ <u>bapa/ penjaga memastikan anak-anak memakai pelitup muka</u></p> <p>Pengusaha operator dan pengasuh TASKA <b>wajib</b> lengkap divaksin.</p>	<p>Persiapan ibu/ <u>bapa/penjaga sebelum menghantar anak mereka ke TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak.</u></p>	<p>Kanak-kanak yang <u>demam atau sakit jika suhu kanak-kanak 37.5 (darjah Celsius)</u> dan ke atas.</p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN SEMASA MENGHANTAR KANAK-KANAK DI TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b></p> <p>b) <u>Semasa</u> <u>tiba di</u> TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak</p>	<p>6am – 8pm</p> <p>50% kapasiti tertakluk kepada <u>keluasan lantai dan penjarakan fizikal</u> 1 meter</p>	<p>Pengasuh menggunakan aplikasi <u>MySejahtera/ SabahTrace dan buku log harian</u></p> <p>Aturkan jadual <u>ketibaan Kanak-kanak ke TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak</u></p> <p><b>Ibu/bapa/penjaga lengkap divaksin untuk menghantar kanak-kanak atau bayi ke TASKA atau Pusat Jagaan Kanak-kanak</b></p> <p>Kanak-kanak <u>diambil bacaan suhu dan menggunakan hand sanitiser sebelum masuk ke premis TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak</u></p> <p>Pengusaha operator dan pengasuh TASKA <b>wajib</b> lengkap divaksin.</p>	<p>Jadualkan waktu <u>menurunkan kanak-kanak dalam bilangan kecil dengan jarak waktu 5-10 minit</u></p> <p><u>kanak-kanak disambut oleh pengasuh</u></p> <p><u>Saringan gejala dan pemeriksaan suhu dilakukan semasa ketibaan.</u></p>	<p>Jika <u>bacaan suhu 37.5 (darjah Celsius) dan ke atas, kanak-kanak tidak dibenarkan untuk memasuki premis TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak.</u></p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b>  c) Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti  i) <u>Semasa menjalankan aktiviti di TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak</u>	6am – 8pm  50% kapasiti tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter	<u>Pengasuh memastikan ruang/bilik sudah disanitasi, selamat dan bersih untuk digunakan.</u>  <u>Pengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masa beraktiviti</u>  <u>Pengasuh memastikan pembelajaran/ aktiviti dengan penjarakan fizikal 1 meter</u>  <u>Pengasuh memastikan bilik dan semua peralatan disanitasi dan dibersihkan selepas aktiviti dijalankan.</u>	<u>Buka tingkap dan pintu untuk membantu aliran udara yang segar</u>  <u>Penjarakan fizikal 1 meter</u>  <u>Buat jadual pembersihan ruang aktiviti dan peralatan sepanjang masa kanak-kanak berada dalam TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak.</u>	<u>Aktiviti berkumpul atau bersentuhan tanpa penjarakan fizikal 1 meter.</u>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b>  c) Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti  ii) <u>Waktu Mandi Dan Menukar Pakaian/ Lampin</u>	6am – 8pm  50% kapasiti tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter	<u>Mandi dan menukar pakaian/ lampin seorang demi seorang</u>  <u>Pakaian/ lampin kotor terus dimasukkan dalam beg yang dibekalkan oleh ibu/ bapa/ penjaja</u>  <u>Lampin (pakai buang) terpakai dibuang segera dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam tong sampah bertutup.</u>  <u>Pengasuh sentiasa memakai pelitup muka. Kanak-kanak perlu menukar pelitup muka yang baharu</u>  <u>Bersih dan sanitasikan tandas/ kawasan yang telah digunakan selepas kanak-kanak lain menggunakannya.</u>	<u>Mandi dan tukarkan baju kanak-kanak seorang demi seorang. Peralatan pembersih diri dilabelkan mengikut nama kanak-kanak masing-masing</u>  <u>Pengasuh memasukkan pakaian kotor ke dalam beg plastik dan tutupkannya.</u>  <u>Pengasuh memakai pelitup muka sepanjang masa.</u>	<u>Mandi berkumpul</u>  <u>Berkongsi pakaian, tuala dan peralatan pembersih diri.</u>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b></p> <p>c) <u>Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Penjagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti</u></p> <p>iii) Waktu <u>makan/ minum/ menyusu</u></p>	<p>6am – 8pm</p> <p>50% kapasiti tertakluk kepada <u>keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter</u></p>	<p>Kanak-kanak makan/ minum/ menyusu <u>secara individu</u></p> <p><u>Memastikan kebersihan makan/ minum/ susu</u></p> <p><u>Penjarakan fizikal 1 meter.</u></p>	<p><u>Pengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak 1 meter</u></p> <p><u>Pengasuh sentiasa memakai pelitup muka.</u></p>	<p><u>Berkongsi peralatan makan minum, peralatan menyusu.</u></p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<p><b>PERATURAN SEMASA KANAK-KANAK DALAM TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b></p> <p>c) <u>Persekitaran Ruang TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak / Bilik Aktiviti</u></p> <p>iv) Waktu <u>tidur/ rehat</u></p>	<p>6am – 8pm</p> <p>50% kapasiti tertakluk kepada <u>keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter</u></p>	<p>Kanak-kanak <u>tidur/rehat secara individu</u></p> <p><u>Penjarakkan fizikal 1 meter</u></p> <p><u>Pengasuh sentiasa memakai pelitup muka.</u></p>	<p><u>Setiap kanak-kanak (secara individu), haruslah dikhaskan sebuah katil/tilam/bantal/selimut yang dilabelkan mengikut nama masing-masing</u></p> <p><u>Pengasuh mengekalkan penjarakan kanak-kanak 1 meter</u></p> <p><u>Pengasuh yang menjaga kanak-kanak sewaktu tidur perlu memakai pelitup muka</u></p> <p><u>Kanak-kanak tidak perlu memakai pelitup muka semasa tidur.</u></p>	<p><u>Berkongsi katil/tilam/ bantal/selimut.</u></p>

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021



## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

### SOP TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK (PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4) KEMUDAHAN PENERIMA LENGKAP DIVAKSIN BERMULA 09/11/2021

AKTIVITI	TEMPOH OPERASI / KAPASITI	PROSEDUR OPERASI PIAWAIAN		AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN
		TINDAKAN	PENERANGAN RINGKAS	
<b>PERATURAN SEMASA IBU/BAPA/ PENJAGA MENJEMPUT KANAK-KANAK DARI TASKA / PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK</b>  d) Semasa ibu/bapa/ penjaga menjemput kanak-kanak dari TASKA / Pusat Jagaan Kanak-Kanak	6am – 8pm  50% kapasiti tertakluk kepada keluasan lantai dan penjarakan fizikal 1 meter	<p>Pengasuh mengatur jadual waktu menjemput kanak-kanak</p> <p>Pengasuh melaksanakan penjarakan fizikal 1 meter</p> <p><b>Ibu/bapa/penjaga yang lengkap divaksin dibenarkan untuk mengambil anak dari TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak</b></p> <p>Pengasuh dan kanak-kanak memakai pelitup muka sepanjang masa</p> <p>Mengingatkan ibu/bapa/penjaga dan kanak-kanak mandi sebaik sampai di rumah.</p>	<p>Pengambilan balik kanak-kanak dibuat secara berperingkat dan mematuhi SOP</p> <p>Kanak-kanak dan ibu/bapa/ penjaga harus segera mandi setelah sampai ke rumah.</p>	Perbincangan bersemuka perihal anak di luar TASKA/ Pusat Jagaan Kanak-Kanak

Tarikh dikemaskini: 08 November 2021